

NAFAS SEMAKIN KENCANG

Oleh BUSTAMAM AHMAD

SEKTOR pertanian melibatkan sebilangan besar masyarakat Melayu yang miskin serta mengalami kadar pengangguran yang tinggi di zaman penjajah dulu.

Di samping itu, sektor berkenaan merupakan sektor yang lama terbiar, seolah-olah dikesepikan langsung oleh pihak penjajah.

Tetapi, dalam era Kerajaan yang mengamalkan konsep 'Berah, Cetaf dan Amanah' ini, sektor pertanian merupakan satu-satunya sektor yang mendapat perhatian utama.

Dengan perkataan lain, sektor pertanian diberi perhatian serius kerana ia menjadi kayu pengukur kejayaan Kerajaan dalam melaksanakan berbagai program pembangunan demi menjaga kepentingan rakyat, khususnya mereka yang berpendapatan rendah.

Kerajaan mengadakan berbagai kemudahan di samping menyediakan peruntukan yang besar dalam usaha meningkatkan lagi taraf hidup golongan petani.

Petani-petani kita pula kini, jika dibandingkan dengan keadaan di zaman penjajah dulu, jauh berbeza. Kemajuan sains dan teknologi mendatangkan kesan besar kepada mereka dan hasilnya ialah pertambahan penghasilan mereka.

Golongan petani kita sangat responsif terhadap perubahan di sekeliling.

Antara faktor utama yang berjaya menupakan angin perubahan di kalangan petani kita tidak syak lagi ialah semangat berpersatuan atau berkooperasi.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa penubuhan berbagai persatuan dan koperasi petani memudahkan usa-

ha Kerajaan meningkatkan taraf pendapatan mereka. Sejalan dengan bantuan Kerajaan, persatuan dan koperasi petani dapat berkembang dan membimbing mereka ke arah apa yang dipanggil "untuk menjadi petani moden".

Persatuan dan koperasi ini pula bergabung di dalam satu gabungan besar — Persatuan Peladang Kebangsaan atau lebih dikenali dengan NAFAS. Memang tidak syak lagi, NAFAS memainkan peranan penting dalam usaha memajukan sektor pertanian di negara ini.

Langkah memajukan sektor ini sebenarnya mencerminkan langkah bersungguh-sungguh Kerajaan dalam meningkatkan taraf pendapatan petani kita.

Penyambung
Lebih tepat lagi kalau kita katakan, NAFAS berjalan seiring dengan usaha meningkatkan taraf pendapatan golongan petani kita.

Sebagai badan gabungan kebangsaan, NAFAS kini mempunyai ahli berjumlah lebih satu juta orang. Ia mewakili sembilan Persatuan Peladang Negeri dan 200 persatuan atau koperasi peladang.

Petani-petani yang menganggotai NAFAS terlibat dalam berbagai jenis pengeluaran pertanian, termasuk pesawah, pekebun kecil kelapa, penanam kopi dan nenas, penanam sayur dan pengusaha ternakan.

Sebagai badan kebangsaan juga, NAFAS bergerak menjadi penyambung sektor industri dan sektor lar bandar dengan mengalakkan permodanan sistem pembahagian kerjasama

dan menguatkan kedudukan pemasaran petani.

Antara aktiviti NAFAS termasuk mengimport dan mengedar jentera pertanian, pinjaman pengeluaran pertanian dan pelaburan serta memajukan harta.

Dari pergerakan yang agak "berhati-hati" dalam tahun 1972, NAFAS kini mengembangkan sanyapnya bagi meliputi pembekalan jentera-jentera pertanian.

Menyedari hakikat pentingnya jentera dalam memajukan sektor pertanian, NAFAS kini mempunyai bahagian yang khusus mengendalikan jentera-jentera pertanian. Bahagian ini dinamakan NAFASJENTERA.

Ia menubuhkan beberapa pusat perkhidmatan kejenteraan untuk petani.

Jentera-jentera berkenaan boleh disewa oleh petani dengan kadar paling berpatutan.

Memang tidak syak lagi, inilah perkhidmatan yang memberikan faedah besar kepada petani kita.

Kini secara beransur-ansur, NAFASJENTERA sedang mengusahakan penjualan alat-alat/jentera berat bagi kemudahan petani.

Dengan bantuan sebuah syarikat jentera berat terkemuka di Itali, NAFASJENTERA kini mengimport traktor-tractor "Plat" secara terus dari Modena, Itali. Jentera-jentera ini dijamin tinggi mutunya dan diubahsuai mengikut keperluan petani-petani kita.

Dengan penubuhan kilangnya di Petaling Jaya dan pusat-pusat servis di empat tempat strategik di seluruh negara, NAFASJENTERA kini berupaya menyediakan perkhidmatan selepas jualan yang berkesan

kepada pelanggan dan ahli-ahlinya.

Manakala khidmat suluan pula dijamin oleh beberapa kumpulan pasukan mekanik dan juruteknik yang berpengalaman.

Van-van servis bergerak NAFASJENTERA menjabar berbagai pusat utama untuk memenuhi permintaan golongan petani kita di samping ber sedia memberi khidmat di kawasan pedalaman.

Dengan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), NAFASJENTERA sedang menubuhkan rangkaian Pusat Jentera Pertanian dan Depoh Alat-alat Gantian di beberapa tempat utama di seluruh Semenanjung.

Bagi memastikan petani mendapatkan alat-alat gantian jentera mereka dengan cepat, NAFASJENTERA mengedarkan bekalan alat-alat gantian yang mencukupi di Pusat Alat Gantian di Petaling Jaya dan beberapa tempat lain.

Pengeluaran
Baru-baru ini, NAFASJENTERA telah memeterai satu perjanjian dengan sebuah syarikat, New Holland Group. Di bawah perjanjian itu, NAFASJENTERA akan menjadi pembahagi tunggal jentera penuhi padi jenis Sperry New Holland di negara ini.

Di bawah perjanjian itu juga, NAFASJENTERA akan bertanggungjawab terhadap penjualan, servis dan pembekalan alat-alat ganti jentera tersebut di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Di samping itu, NAFASJENTERA secara beransur-ansur kini mengembangkan sanyapnya dalam pembekalan lain-lain jentera berat, termasuk jentera pembajak.

Selain itu, satu lagi bahagian perdagangan NAFAS — NAFASNIAGA bertindak sebagai penghubung antara sektor perdagangan dan masyarakat petani dalam usaha menyediakan perkhidmatan pertanian lebih berkesan kepada petani di luar bandar.

Untuk mencapai matlamat ini, NAFASNIAGA bekerjasama rapat dengan semua persatuan peladang dan koperasi peladang.

NAFASNIAGA memberi perhatian utama terhadap pembekalan berbagai jenis keperluan petani termasuk peralatan bagi tanaman, racun rumput-rampai serta pembekalan anak-anak ayam bermutu tinggi.

Memang tidak dapat disangkal penggunaan baja atau kimia pertanian lain yang bermutu tinggi sudah pasti dapat meningkatkan lagi hasil pengeluaran petani kita serta mempercepatkan lagi proses memajukan sektor pertanian.

Sejak tahun 1974, NAFAS dengan kerjasama persatuan-persatuan peladang di seluruh negara menjadi agas tunggal bagi pembahagian baja-baja keperluan petani yang diberikan secara subsidi oleh Kerajaan.

Sebagai usaha meningkatkan pengeluaran pertanian dan menggalakkan pertanian secara komersial, persatuan-persatuan peladang di seluruh negara kini sedang memperbahatkan lagi lamanan koko, kopi, getah, tanah, tembakan, ternakan, cili dan jagung.

Bagi menggalakkan petani menyertai program tanaman ini, NAFAS bekerjasama rapat dengan persatuan-persatuan petani yang terlibat dalam menubuhkan atau tapak semaian komersial melalui program bantuan kredit dan bimbingan tekniknya.

NAFAS kini secara aktif terlibat dalam usaha mengedarkan rancangan ternakan secara komersial di kalangan petani dengan membahagi-bahagikan mereka ke dalam beberapa kumpulan.

Di bawah program bantuan kredit pula, NAFAS mewujudkan sebuah tabung pusingan dalam tahun 1973 bagi membantu petani-petani kita mendapat sumber kewangan dalam menjalankan berbagai aktiviti mereka.

Pinjaman kewangan diberikan kepada persatuan-persatuan peladang yang menjadi ahli gabungannya bagi pembiayaan projek-projek tertentu seperti khususnya berhubung dengan program pengeluaran pertanian, tapak semaian secara komersial, kegiatan pemasaran dan perusahaan berasaskan pertanian secara kecil-kecilan.


Pinjaman jangka pendek dan bagi pembelian jentera-jentera pertanian diberikan kepada berbagai persatuan peladang dan kegiatan NAFAS di bidang ini boleh dianggap sebagai "membantu" kegiatan yang dijalankan oleh LPP dan Bank Pertanian.

Sebagai usaha program pelaburan jangka panjang, NAFAS bergiat dalam projek pembangunan harta dan kejayaan projek pertamanya dalam bidang ini dapat dilihat dengan slapnya bangunan Wisma Peladang setinggi 13 tingkat.

Projek ini merupakan usahasama antara NAFAS dan ahli-ahli gabungannya, termasuk persatuan-persatuan peladang negeri.

NAFAS juga kini sedang meningkatkan kerjasama dengan sektor swasta kerana menyedari hakikat bahawa usaha meningkatkan taraf pendapatan petani perlu penglibatan semua pihak.

Harulah usaha menjadikan golongan petani kita sebagai petani moden akan mencapai matlamat yang diela-citakan. Kesungguhannya, petani kita mempunyai masa depan yang cemerlang.



● PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di perayaan Hari Peladang di Tanjung Karang, tahun lalu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia